



BULETIN HOSPITAL PITAS

Peneraju Kesihatan Berkualiti
Edisi 3 Bil 1/2009

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Hospital Pitas, PETI ALAM 88, 89100, PITAS, SABAH
Tel: 088-611203 FAX: 088-611203



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

680

Warga Pitas menerima rawatan mata PERCUMA

OSCC

Sedia membantu mangsa rogol

Expedisi:

Benarkah
KAPAL SI-TANGGANG
Terdampar di Pitas

Bagaimana Diet
Membantu Kesihatan Anda

Sukan:

Tendangan kaki
kiri menundukkan
tuan rumah



PERUTUSAN PENGARAH HOSPITAL

Dr. Francis Paul

Tahun 2009 merupakan satu tahun yang mencabar bagi Hospital Pitas. Banyak aktiviti dan penambahbaikan yang telah dirancang dan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan hospital ini.

Sebagai satu kemudahan yang boleh dianggap paling cantik dan canggih di Daerah Pitas, Hospital Pitas mempunyai satu tanggungjawab dan peranan yang besar untuk memberi satu penderasteran bagi perkhidmatan kerajaan di daerah ini.

Antara penambahbaikan yang dilakukan ialah mewujudkan sistem pendaftaran dan pungutan hasil yang dikendalikan seratus peratus oleh kakitangan bukan klinikal bermula pada bulan Januari 2009. Lokasi pendaftaran

telah diletakkan di kawasan Lobi Utama hospital. Pada pertengahan bulan April 2009, sistem panggilan digital atau dikenali sebagai “Queue Management System” (QMS) telah dimulakan dan sistem ini telah berjaya mengurangkan kesesakan di Kaunter Jururawat JPL, di samping telah mempercepatkan lagi proses pendaftaran secara berpusat, seterusnya memberi kepuasan kepada pelanggan secara amnya.

Unit pendaftaran juga sedang memperbaiki sistem pendaftaran pesakit berkomputer dengan usaha sama Unit ICT untuk mewujudkan database pesakit di hospital ini.

Hospital Pitas juga sedang berusaha untuk mendapatkan pentauliahkan akreditasi pada tahun 2010. Untuk mengukuhkan strategi itu, seramai 15 orang kakitangan telah dihantar bagi menghadiri taklimat Akreditasi di Hospital Kota Marudu pada 30 April 2009.

Saya juga merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjadikan Hospital Pitas sebagai satu lagi Hospital Rakan Bayi di Negeri Sabah khususnya. Dengan pencapaian ini memungkinkan hospital akan lebih mudah mencapai sasaran ke arah akreditasi menjelang 2010.

Maka dengan itu, saya menyeru agar semua kakitangan hospital khususnya berusaha dengan gigih dan secara bijak setiap masa dalam mencapai matlamat hospital untuk menjadi pusat perubatan yang unggul, seterusnya dapat menjadi contoh oleh lain-lain perkhidmatan kesihatan mahupun perkhidmatan kerajaan yang lain di sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Selamat Menjalankan Tugas;



(DR. FRANCIS PAUL)

Pengarah Hospital Pitas

Penaung

Dr. Francis Paul
Pengarah Hospital Pitas

Setiausaha

Olga N. Ambu

Ketua Editor

Jaimin Bin Makajin

Sidang Editor

Miharil Ruminggun
Kimberly Cleodel James
Norlitha Bundah
Patrick Morinka



SIDANG REDAKSI



Jurufoto

George Dell Adzrul
Mohd. Rashid Awg. Latip
Fauze Oshou

Bendahari

Mohd. Faizool Alwie

Rekabentuk Grafik

Patrick Morinka
Jandau Bin Gagau

Semua AJK Induk Buletin Q HPTS

Sister Maria Mandarusun
Mohd. Khushairi Mohd. Rejab
Mohd Faizal Mohd Ridzwan
Chee Rahman Jamahari
Lisa Choo Leong Shan
Mohd. Shahril Omar
Azman Juadio
Alinah Madrin

Flora Akiam
Mariati Tahir
Khairunnisa Awang
Nurilin Ramlin
Masliyah Hawareh
Hismah Andi
Seklee Sumari
Rayner Mawing

Dari Meja Ketua Editor

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera. Saya mewakili Jawatankuasa Buletin ini mengucapkan syabas dan tahniah semua warga hospital kerana telah mengambil daya usaha bagi merealisasikan penerbitan buletin edisi ketiga tahun 2009. Semoga buletin ini menjadi pemangkin kasih dan kemesraan di kalangan warga hospital dan organisasi-organisasi lain di sekitarnya.


Pada awal bulan September 2008, Hospital Pitas sekali lagi telah menerima kehadiran seorang pemimpin baru, Dr. Francis Paul sebagai pengarah hospital bagi menggantikan mantan pengarah, Dr. Christopher A/L Fatinathan yang akan bertukar ke Hospital Tawau. Saya dengan segala hormatnya mewakili pihak jawatankuasa ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Christopher di atas segala komitmen beliau dalam mendidik dan mengilmukan lagi setiap warga Hospital Pitas.

Sepenggal tahun 2009 yang kita lalui, sudah semestinya akan menjanjikan seribu satu pengalaman yang baru kepada kita semua, di bawah kepimpinan baru Dr. Francis Paul, yang telah memberi sentuhan inovasi dan pembaharuan dari pelbagai aspek di samping sokongan penuh serta komitmen beliau untuk menerbitkan buletin ini.

Oleh itu, sama-samalah kita menggenderai halatujuan perjuangan kita pada tahun ini, semoga kecemerlangan dalam perkhidmatan dapat kita pertingkatkan lagi sesuai dengan matlamat visi dan misi Hospital Pitas.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan selamat berpuasa kepada semua warga hospital khususnya yang beragama islam.

Sekian, terima kasih.



(JAIMIN B. MAKAJIN)

Ketua Editor

jaimin@sbh.moh.gov.my

KANDUNGAN

	Muka Surat
Diet Membantu Kesihatan Anda	04
Peranan Pusat Khidmat Sehenti	05
5S Amalan Kerja Harian	06
Projek QAP-HSA Hospital Pitas	07
Expedisi: Nakhoda Si Supirak	08
Kejayaan SMRC di Pulau Mutiara	09
Mission For Vision Project	10-11
Aktiviti PERKIPS	12
8 Perkara Anda Perlu Tahu	12
Takwim LDP Hospital Pitas	13
Menderma Organ & Tisu	13
Berita & Peristiwa Bergambar	14-15
Inovasi & Penambahbaikan	16
Ruangan FAQ	17
Potrait Sepanjang Hayat	18
Karya Kreatif	18
Penerima APC Sesi 2008	19
Etika Berpakaian ke Pejabat	20





Info Diet Sihat : Bagaimana DIET Membantu KESIHATAN ANDA

Dewasa ini, ramai yang membicarakan mengenai penyakit yang berkait rapat dengan pemakanan dan gaya hidup seseorang individu tersebut. Kita sering membicarakan mengenai penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung, gout dan sebagainya.

Tanpa kita sedari penyakit yang tersenarai di atas adalah berpunca daripada apa yang kita makan sehari-hari. Sebagai contoh kencing manis adalah berpunca daripada pengambilan gula dan makanan yang tinggi karbohidrat yang akhirnya menyebabkan badan kita gagal untuk memproses gula yang terlalu tinggi di dalam darah yang disebabkan kegagalan atau kekurangan insulin untuk menurunkan paras gula dalam darah ke tahap normal.

Pesakit kencing manis hendaklah mengurangkan pengambilan makanan yang tinggi kandungan gula seperti kuih-muih manis, kek, minuman berkarbonat, nasi dan makanan yang tinggi karbohidrat. Pesakit adalah digalakkan untuk melebihkan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan. Namun begitu, pesakit kencing manis hendaklah berhati-hati agar tidak memakan terlalu banyak buah-buahan seperti pisang, durian, rambutan dan sebagainya, cukup sekadar sebiji atau sehiris buah yang diambil di antara waktu makan.

Pesakit darah tinggi pula hendaklah mengurangkan pengambilan garam dalam makanan. Cuba elakkan untuk menggunakan garam yang berlebihan semasa memasak dan jika boleh elakkan menggunakan kicap, sos tiram dan ajinomoto yang berlebihan dalam masakan anda. Makanan berlemak juga menjadi faktor yang memburukkan lagi keadaan pesakit yang menghidap penyakit tekanan darah tinggi. Adalah dinasihatkan supaya mengurangkan makanan yang berlemak dan bergoreng serta memilih makanan yang dimasak dengan cara merebus, mengukus atau memanggang. Pesakit juga adalah digalakkan untuk memakan lebih buah-buahan dan sayur-sayuran dan meminum banyak air bagi menurunkan tekanan darah tinggi.

Gout adalah satu lagi penyakit yang kerap diperkatakan yang sebenarnya berpunca daripada makanan yang kita makan. Ramai di antara kita tidak mengetahui bahawa makanan yang mengandungi purin dan metabolismanya akan menghasilkan asid urik dalam darah. Jika terdapat gangguan ke atas proses metabolisme purin, pengumpulan asid urik yang tinggi dalam air kencing akan mengakibatkan batu karang asid urik dan berkumpul di sendi-sendi menyebabkan penyakit gout. Makanan yang perlu dielakkan oleh individu yang menghidap penyakit ini adalah hati, jantung, hempedal otak, udang, daging merah, ikan bilis, sayur kekacang seperti kacang buncis, kacang panjang dan kekacang kering seperti dhal, bunga kobis, cendawan dan bayam juga tidak sesuai dimakan oleh pesakit gout.

Akhir kata, kawal setiap apa yang anda makan dan bersenam selalu untuk mengekalkan berat badan yang ideal untuk kesejahteraan kita bersama. 😊



Disediakan oleh:

Mohd Khushairi bin Mohd Rejab

PUSAT KHIDMAT SEHENTI

STOP
VIOLENCE
AGAINST
WOMEN

Peranan OSCC "membantu mangsa rogol"



OSCC atau kata penuhnya adalah “ *One Stop Crisis Centre*”,

merupakan satu perkhidmatan komprehensif dengan kerjasama integrasi pelbagai sektor dan agensi untuk mengendalikan mangsa-mangsa keganasan rumahtangga dan seksual.

Sejarah penubuhannya bermula di HKL pada tahun 1993 iaitu selepas seminar antarabangsa mengenai keganasan rumahtangga. Sebelum tahun 1993, perkhidmatan ini dijalankan secara “*ad hoc*”. Pada tahun 1996, selaras dengan Pekeliling KKM Bil. 4 /96, semua jabatan kecemasan di setiap hospital perlu menubuhkan OSCC masing-masing.

Objektif OSCC ialah untuk mengenalpasti kes OSCC, memberi perkhidmatan rawatan dan perubatan, mengendali krisis pelbagai aras, memberi sokongan emosi dan kaunseling, laporan perubatan, perkhidmatan penempatan sementara dan terlibat dalam aktiviti undang-undang dan guaman. Skop perkhidmatan OSCC meliputi kes rogol, keganasan rumahtangga, penderaan kanak-kanak dan ‘sodomy’.

OSCC di Hospital Pitas telah bermula sejak hospital ini mula beroperasi pada 25 September 2006 dan ditempatkan di Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Pitas. Unit OSCC beroperasi 24 jam. Pengendalian kes dilakukan oleh pegawai perubatan yang ‘*on-call*’ dengan dibantu oleh jururawat yang bertugas. Untuk mendapatkan perkhidmatan OSCC, mangsa boleh datang terus ke Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Pitas atau menghubungi talian terus : [088-611201](tel:088-611201).


Disediakan Oleh: **JT. HAINI MANINING**



5S : Amalan Kerja Harian

Pernahkah anda mendengar tentang 5S? 5S terdiri daripada **seiri**, **seiton**, **seiso**, **seiketsu** dan **shitsuke**, yang berperanan sebagai satu sistem untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti sesuatu organisasi. Menyedari akan hakikat ini, Pengarah Hospital Pitas, Dr Francis Paul telah mengadakan satu gotong-royong 5S pada 6 Jun 2009 dan telah berlangsung seawal jam 8.00 pagi dan berakhir pada 12.30 petang.

Antara objektif utama gotong-royong ini adalah untuk memperbaiki kualiti dan produktiviti hospital, disamping memberikan pendedahan kepada semua staf tentang sistem 5S ini. Dengan kerjasama semua warga Hospital Pitas, aktiviti gotong-royong telah berjalan dengan lancar dan teratur. Apa yang diharapkan adalah melalui 5S ini, Hospital Pitas dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang, seiring dengan budaya korporat KKM.



Implimentasi 5S pada 'Emergency Trolley' di Wad Perempuan mempercepatkan kerja jururawat yang bertugas.



Penggunaan 'Tally Card' di setiap rak-rak stor simpanan Unit Farmasi telah memudahkan proses kemaskini dan capaian dengan cepat.



Penggunaan label pada 'Emergency Trolley' di Wad Perempuan telah dapat meningkatkan kecekapan bekerja.

QAP Peratus Tinggi Kes Hijau Yang Mendapatkan Rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma Selepas Waktu Pejabat



Kumpulan QAP Hospital Pitas telahpun menjalankan projek QAP-HSA (QUALITY ASSURANCE PROGRAMME - **HOSPITAL SPESIFIC APPROCH**) yang bertajuk “Peratus Tinggi Kes Hijau Yang Mendapatkan Rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma Selepas Waktu Pejabat”. Pengumpulan data yang dilakukan sejak 1-28 Februari 2008, mendapati sebanyak 78.2% adalah kes Hijau yang telah mendapatkan rawatan di Unit Kecemasan Dan Trauma Hospital Pitas. Statistik ini menunjukkan bahawa peratusan kedatangan (SIQ - Shortfall in Quality) adalah melebihi standard yang ditetapkan (iaitu tidak melebihi 40 peratus daripada jumlah kedatangan pesakit setiap bulan).



Penggunaan Burble Chart dalam proses analisa kajian.

Oleh kerana peratus Kes Hijau yang mendapatkan rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma selepas waktu pejabat adalah tinggi, maka keadaan tersebut telah mengganggu orientasi perkhidmatan kecemasan dalam memberikan rawatan yang berkualiti kepada pesakit. Dengan itu, kajian khas dilakukan bagi mencari punca penyebab masalah ini yang dikendalikan oleh kumpulan QAP Hospital Pitas.

Burble chart di sebelah menunjukkan bagaimana faktor luar dan faktor dalaman

telah mempengaruhi kedatangan pesakit ke Unit Kecemasan dan Trauma selepas waktu pejabat.

Benarkah faktor tersebut adalah penyumbang kepada jumlah kedatangan pesakit atau wujudnya sebab-sebab lain. Hasil kajian akan diterbitkan dalam edisi yang akan datang. 😊

Disediakan oleh : Goodman Mositi.

Benarkah Kapal Si TANGGANG Terdampar di Pitas? atau Nakhoda Si Supirak



“Ampunkan Tanggang mak..! Mak! Ampunkan Tanggang!” itulah bait-bait ayat yang tidak dapat dilupakan dalam filem Si Tanggang. Akibat derhaka seorang anak terhadap ibunya, kapal si Tanggang disumpah menjadi batu.

Namun, tiada yang dapat mengesahkan legenda cerita ini dan kewujudan kapal ini. Peneroka **Kelab Sukan dan Rekreasi HPTS** telah mendapat maklumat bahawa sebuah pulau batu berupa nakhoda telah dijumpai di Kg. Malubang. Adakah ini kapal si Tanggang? Adakah ianya terhanyut ke Pitas sejauh 2000 km dari tempat asalnya?

Ekspedisi untuk mengesahkan kesahihan cerita ini dimulakan dengan perancangan yang rapi termasuk meneliti cerita-cerita penduduk tempatan dan gambar-gambar yang sedia ada. Selepas sarapan, 15 orang penyelidik yang terdiri daripada pelbagai latar belakang mula bertolak ke destinasi dengan menggunakan dua buah bot laju. Keadaan laut yang tenang dihiasi oleh langit yang kebiruan serta kehadiran beberapa ekor burung camar turut kelihatan.



TELAGA AIR TAWAR DAN BATU DULANG

Kami meninggalkan nakhoda tersebut untuk makan tengahari di sebuah pantai yang kebetulan terdapat Telaga Air Tawar berhampiran. Kemunculan air tawar di kawasan ini cukup aneh kerana dikelilingi oleh air laut masin. Air tawar ini dipercayai boleh menyembuhkan pelbagai penyakit kronik. Kami sempat mengambil sedikit air tawar ini.

Di sekitar pantai tersebut terdapat sebuah batu besar yang di panggil Batu Dulang. Batu Dulang tersebut kelihatan seperti dulang yang terbentuk di atas sebuah batu besar. Pelik sungguh bunyinya tetapi itulah hakikatnya. Lebih menarik lagi ada pintu gerbang besar di batu tersebut. ☺

sedang terbang mencari makanan sungguh mententeramkan jiwa. Begitulah Malubang yang masih belum diterokai dan khazanah alam seperti ini cukup bermakna bagi sang pecinta alam.

Selepas 2 jam menaiki bot laju, nun di ufuk kelihatan sebuah kapal besar sedang berlabuh. Walau dilihat dari sudut mana sekalipun tidak tumpah seperti sebuah bahtera. Saiznya seperti bangunan 5 tingkat dengan panjang melebihi 500 m. Menurut pemandu pelancong kami, cerita Nakhoda Si Supirak ini adalah merupakan hikayat atau cerita rakyat yang hampir sama dengan cerita Si Tanggang.

Kami cuba berlabuh untuk menerokai nakhoda tersebut, namun tebingnya yang curam seperti sebuah kapal tanpa tali atau anak tangga tidak membenarkan kami meneruskan hajat. Kami hanya mampu mengelilingi nakhoda batu yang mengherankan itu sambil mengambil gambar dan menikmati keajaiban alam ini. ☺



BATU ORANG BERUNSAI

20 minit dari Batu Dulang, beberapa batu berupa manusia yang amat mengherikan kelihatan menunggu kedatangan kami. Mata terpaku melihat kejadian



alam yang menakjubkan dengan formasi batu-batu seperti sekumpulan manusia sedang menari mengelilingi sesuatu. Adakah ini juga sumpahan? Menurut cerita, jika anda ingin melawat di sekitar Batu Berunsai, tingkah laku dan pertuturan kata hendaklah dijaga jika tidak, buruk padahnya.



BATU TALAM & BATU GERAWANG

Tidak jauh beberapa meter dari sini, kelihatan 3 buah batu berbentuk segi empat, lebih kurang saiz meja makan timbul di permukaan air. Batu Talam ini nampak asing dan ganjil di tengah-tengah laut seumpama meja makan yang dijadikan batu.

Destinasi terakhir kami adalah sebuah batu besar yang seakan-akan pulau yang dipanggil Batu Gerawang. Batu Gerawang ini adalah sebuah gua yang dipercayai tempat kediaman ibu Si Supirak.

Memandangkan cuaca begitu terik sekali, kami mengambil keputusan untuk terus meredah laut kembali ke Pekan Pitas. Dalam perjalanan pulang sempat pula berfikir bagaimana hukum alam itu boleh mengubah batu yang besar membentuk formasi-formasi batu yang pelbagai rupa sehingga menimbulkan mitos yang tidak terungka.

Terasa belum puas lagi untuk menerokai Malubang kerana masih banyak tempat-tempat tidak sempat kami terokai. Mungkin pada lain kesempatan, kami akan berkunjung lagi tetapi dengan aktiviti yang lebih mencabar. Selamat tinggal Malubang! 😊

Disediakan oleh: Dr. Francis & Mohd. Shahril

Kejayaan SMRC di Pulau Mutiara



Rombongan ini disertai seramai 70 ahli yang diketuai oleh Sr. Maria Mandarusun dan Encik Sardi Bar. Lawatan ini bertujuan mengeratkan lagi hubungan mesra di kalangan semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia melalui aktiviti-aktiviti sukan pelbagai peringkat.

"Tendangan kaki kiri menundukkan tuan rumah"



Tendangan kaki kiri yang pertama kali dilakukan oleh Fye (penyerang SMRC Pitas) menggegarkan gawang pasukan tuan rumah.



Kisah ini sebahagian daripada aktiviti Kelab Rekreasi Jabatan Perubatan Sabah cawangan Pitas yang mengadakan lawatan muhibah ke Hospital W. P. Labuan pada 25-26 April 2009.

Aktiviti sukan lain yang turut diadakan ialah badminton, bola tampar lelaki dan bola tampar wanita.





Mission For Vision Anjuran Bersama Mercy Malaysia,
Jabatan Mata Hospital Queen Elizabeth
dan Hospital Pitas



680

Warga Pitas menerima
rawatan mata percuma

Program pemeriksaan mata secara percuma anjuran Mercy Malaysia bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah diadakan pada 7-11 Mac 2009 bertempat di Hospital Pitas. Dua bulan sebelum program ini, persiapan telah dimulakan dengan perancangan, mesyuarat dan promosi melalui media, pengumuman media masa, poster dan turut dihebahkan ke kampung-kampung oleh Asian Forestry Company.

Dr. Abdul Mutalib sedang membuat pemeriksaan mata menggunakan Slip Lamp

Badan-badan lain yang turut terlibat adalah Asian Forestry Company, PERKIPS dan Rotary Club.

Rotary Club terlibat secara tidak langsung dengan membuat saringan pemeriksaan mata di Pejabat Daerah Paitan pada 20 hingga 21 Februari 2009.



Jumlah sukarelawan yang terlibat adalah seramai 80 orang termasuk ahli Mercy Malaysia, kakitangan daripada Jabatan Mata Hospital Queen Elizabeth, PERKIPS, Asian Forestry, Pakar-pakar mata daripada Hospital Kota Bharu Kelantan dan USM Kelantan serta kakitangan daripada Hospital Pitas dan Faber Medi Serve Pitas.

Peralatan yang canggih telah dibawa khas daripada Kota Kinabalu untuk program ini.

Pemeriksaan mata dijalankan pada 6-9 Mac 2009, manakala pembedahan dan pemeriksaan pos-op dijalankan pada 7 - 11 Mac 2009.

Pesakit daripada daerah Paitan adalah pesakit yang pertama menjalani pembedahan mata pada 7 Mac 2009. Pembedahan yang dilakukan adalah sebanyak 140 kes di mana 81 adalah pembedahan katarak dan 59 adalah untuk pterygium.

Seramai 680 orang telah mendaftar sepanjang program tersebut. Kebanyakan pesakit datang daripada Pitas (76%) dan selebihnya datang daripada Paitan, Kudat dan Kota Marudu.

Penyakit mata yang dikenalpasti adalah katarak (18%), Pterygium (21%), Refractive Error (29%) dan selebihnya adalah normal.

Program ini telah memberi satu peluang yang yang terkira nilainya kepada penduduk Daerah Pitas.

Program ini juga telah menunjukkan semangat kerjasama dan profesionalisma yang amat membanggakan di kalangan semua yang terlibat. 😊

Oleh: Dr. Francis Paul



Pembedahan Katarak sedang dijalankan oleh Pakar Mata dari USM



Pemeriksaan Mata selepas pembedahan



Bertanding Tidak Semestinya Untuk Menang Sahaja



Kumpulan Nasyid Nur Hikmah mewakili Hospital Pitas

Kumpulan Nasyid **NUR HIKMAH** daripada PERKIPS Pitas bergambar kenangan semasa Majlis Tilawah Al-Quran & Festival Nasyid Zon Pantai Barat Utara(PBU) di Ranau pada 10-11 April 2009.

Meskipun wakil HPTS gagal meraih sebarang pingat tetapi NUR HIKMAH masih mampu menceriakan suasana dengan mengenakan warna pakaian merah hati bersongket keemasan. Sesungguhnya, bukanlah menang atau kalah yang diperjuangkan, melainkan misi perpaduan dan kesepakatan ummah yang dijadikan watakah diri. 😊

BERKHATAN BUKAN UNTUK ORANG MUSLIM SAHAJA

Majlis Berkhatan beramai-ramai anjuran PERKIPS Pitas telah disempurnakan oleh YB. Bolkiah Hj. Ismail, wakil rakyat bagi N.3 Bengkoka pada 21 Disember 2008.

Sambutan warga tempatan di Daerah Pitas sungguh menggalakkan di mana majoriti pelanggan daripada kanak-kanak bawah 15 tahun. Terdapat juga penyertaan daripada pelanggan bukan beragama islam yang turut sama mengambil peluang kerana program ini hanya dijalankan sekali setahun sahaja pada tahun 2008.



Prosedur berkhatan sedang dijalankan oleh PPP dan JM sempena Majlis Berkhatan PERKIPS.

8 PERKARA YANG PERLU ANDA TAHU

1. Jika semua salur darah dalam tubuh manusia dicantumkan ia boleh meliputi jalan raya sepanjang 96000 KM.
2. Setiap hari, darah beredar sejauh 180000 KM dalam tubuh manusia.
3. Jika usus kecil manusia dibelah dan dicantumkan ia boleh memenuhi kawasan seluas 9.2 meter persegi.
4. Manusia bernafas kira-kira 23000 kali dalam tempoh 24 jam
5. Setiap satu langkah ke hadapan anda terpaksa menggerakkan 54 otot dalam tubuh badan anda.
6. Tekanan jantung manusia semasa mengepam darah adalah cukup kuat sehinggakan setiap degupan boleh memancutkan darah sejauh 9 meter.
7. Purata setiap manusia memiliki 100 000 helai rambut yang tumbuh lebih cepat pada waktu malam.
8. Hidung manusia dapat mengenali pasti 10 000 jenis bau yang berbeza-beza.

Takwim LDP Hospital Pitas

Januari - Jun 2009

Bilangan	Nama Kursus	Tarikh
1	Bengkel QAP Bil.1/2009 Hospital Pitas	12-13 Feb 2009
2	Kursus Budaya Korporat Bil.1/2009 Hospital Pitas	12-Mar-09
3	Seminar Kawalan Infeksi Bil. 1/2009 Hospital Pitas	19-Mar-09
4	Bengkel Dokumentasi Kejururawatan Bil.1/2009	24-27 Mar 2009
5	Seminar Kawalan Infeksi Bil. 2/2009 Hospital Pitas	21-May-09
6	Kursus Basic Life Support (CPR)	25-May-09
7	Kursus Budaya Korporat Bil.2/2009 Hospital Pitas	18-Jun-09



JADILAH SEORANG PENDERMA

By: SISTER LAWASA MOJIMBAL

Dermaalah Organ demi sebuah kehidupan

Siapakah yang layak menjadi Penderma Organ?

☺ Sesiapapun, sama ada tua ataupun muda boleh mendaftar sebagai penderma organ dan tisu.

Apakah itu Pendermaan Organ?

☺ Pendermaan organ adalah proses mendermakan bahagian tubuh badan seseorang untuk tujuan transplantasi selepas ia meninggal dunia.

Apakah organ dan tisu yang boleh didermakan?

☺ Antaranya adalah buah pingang, jantung, hati, paru-paru dan pankreas. Selain itu, tisu seperti mata, tulang, kulit dan injap jantung boleh didermakan juga.


Bilakah organ dan tisu si penderma itu diperolehi?

☺ Proses pemindahan organ dan tisu daripada tubuh penderma itu hanya akan dilakukan apabila kematiannya telah disahkan oleh 2 orang doktor yang bertauliah.



Adakah perbezaan rawatan jika diketahui anda adalah seorang penderma?

☺ Tidak! Doktor yang merawat anda akan berusaha sedaya-paya dengan mengambil semua tindakan dan langkah yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawa anda. Persoalan mengenai pendermaan organ dan tisu akan dibincangkan dengan waris anda hanya selepas kematian telah disahkan.



Adakah terdapat bantahan dari sudut agama?

☺ Tiada! Kebanyakan agama seperti Islam, Kristian, Hindu dan Sikh mengiktiraf pendermaan organ dan tisu sebagai satu amalan kemanusiaan yang mulia.

Bagaimana organ penderma itu dipindahkan?

☺ Proses pemindahan organ melibatkan suatu pembedahan steril di dewan bedah hospital oleh pakar bedah yang berpengalaman. Perolehan organ dan tisu tidak menyebabkan kecacatan rupa bentuk tubuh penderma. Segala pembedahan pemindahan ini dilakukan dengan penuh hormat dan tertib seperti pembedahan biasa.

Bagaimana jika anda berubah fikiran menderma?

☺ Tiada sebarang paksaan. Anda hanya perlu memberitahu keluarga anda mengenainya dan memulangkan kad penderma organ anda kepada kami.

(Bersambung di muka surat 17)



Lawatan rasmi oleh mantan Timbalan Menteri Kesihatan, YB. Datuk Dr. Haji Abdul Latif B. Ahmad pada 17 November 2008



Latihan BLS bagi kakitangan hospital oleh Unit Kecemasan Hospital Pitas



Peserta rombongan tergamam melihat kemiskinan batu si tanggung.



Penglibatan kakitangan hospital dalam proses pendaftaran MFVS



Pemeriksaan Visual Acuity oleh salah seorang sukarelawan dari HQE



Bacaan doa semasa Majlis Perhimpunan Bulanan setiap bulan



Kegembiraan manis kakitangan Kecemasan semasa menerima Pokok Krismas



Kenangan semasa sambutan Hari Jadi Pengarah Hospital pada April 2009

Berita - Berita Bergambar



Berisian Finalis Unduk Ngadai Pita semasa lawatan amal ke Hospital Pitas pada Mei 2009



Penilaian Hospital Rakan Bayi HPTS pada 23-24 Jun 2009



Wajah ceria peserta dan pesakit semasa pemberian hamper kepada pesakit



Caroling oleh Gereja PCS Pekan Pitas semasa perayaan Krismas 2008



Sambutuan Krismas 2008 bersama pesakit Thalassaemia



Orang ramai datang berpusu-pusu semasa Projek Mata bersama Rotary Club di Paitan



Jururawat ceria semasa gotong-royong 5S di Wad Lelaki



Ahli SMRC beraksi di atas feri dalam perjalanan ke Labuan



Sukarelawan MFL sedang berehat semasa projek mata di Hospital Pitas



Aksi terjuar ahli SMRC usruk melepaskan tekanan pertandingan sukan di Labuan



Amalan kekeluargaan menyambut harijadi kakitangan di JPL Pitas



Gandingan mantap barisan pemain harapan Bola Sepak SMRC



Jururawat membantu ibu memulakan penyusuan selepas bersalin




Taklimat 5S oleh Pengarah Hospital sebelum Gotong Royong dimulakan

Berita - Berita Bergambar



Lawatan Pakar Traumatologi Kebangsaan pada bulan Disember 2008



Proses semakan akhir buletin HPTS



Peserta Gotong-Royong 5S khusus mendengar taklimat ringkas oleh pengarah hospital



Ikhlas berbakti semasa gotong-royong 5S pada hari Sabtu di JPL Hospital Pitas



Sesi CME setiap hari Jumaat di Bilik Mesyuarat Utama HPTS



Hospital Pitas sebagai Juara Catur Sukan KEM Beringkat Negeri Sabah di Tuaran pada 31 Oktober 2008

Ruangan INOVASI & PENAMBAHBAIKAN



Sebelum: Pendaftaran dan Bayaran Hasil daripada pesakit dibuat di Kaunter Jururawata Jabatan Pesakit Luar.



Selepas: Pendaftaran pesakit dibuat di Kaunter Unit Hasil HPTS



Dewan Bedah mula beropersi bagi mengendali kes-kes pembedahan minor sahaja.

Penstrukturan Unit Pendaftaran Pelanggan Secara Berpusat

Pada 2 Jan 2009, Unit Pendaftaran dan Hasil telah dipindahkan daripada Aras 1 ke Lobi Utama. Unit ini telah diselaraskan bagi mengendali semua pendaftaran Pesakit Dalam dan Pesakit Luar dan juga kaunter pembayaran bil- bil hospital. Unit dikendali sepenuhnya oleh kakitangan pentadbiran. Setelah selesai mendaftar sebagai pesakit luar, semua pelanggan akan datang ke Kaunter Jururawat Jabatan Pesakit Luar untuk diagihkan kepada lima (5) siri nombor giliran mengikut kategori perkhidmatan klinikal yang disediakan. Proses pemanggilan pelanggan adalah dengan menggunakan sistem nombor giliran (Queue Management System, **QMS**). Ini adalah satu inovasi tahun 2009, di mana semua kerja - kerja bukan klinikal telah dikendalikan oleh kakitangan bukan klinikal. 😊



Perkhidmatan Dewan Bedah Mulai Beroperasi

Dewan Bedah telah mula beroperasi pada 17 Mac 2009 semasa Projek Mision for Vision anjuran Mercy Malaysia dan Jabatan Mata HQE. Sebanyak 140 pembedahan mata dibuat (*Cataract dan Ptterygium*). Setakat ini, hanya pembedahan minor sahaja yang dibuat di dewan bedah seperti 'inicion dan drainage, Dilatation and Curetage, MRP, Excision of lumps and bumps dan Removal of IUCD. Pembedahan major seperti LSCS akan dibuat setelah mendapat kelulusan daripada JKNS. 😊

Oleh: Goodman Mositi

Soalan 1: Bolehkah seorang kakitangan membuat pinjaman peribadi dan berapa had pinjaman?

Jawapan.

Kakitangan dibenarkan membuat pinjaman peribadi dengan syarat jumlah maksimum pinjaman tidak melebihi 10 kali ganda emolument dan potongan bulanan tidak melebihi 60% gaji kasar.



Soalan 2: Bolehkan seseorang kakitangan menjadi penjamin kepada pinjaman peribadi?

Jawapan.

Kakitangan tidak digalakkan menjadi penjamin kepada sesiapa peminjam pinjaman peribadi. Sekiranya perlu, syarat penjamin adalah juga seperti dia sendiri yang membuat pinjaman .

Soalan 3: Perlukah kakitangan mendapat kelulusan untuk bercuti keluar Negara?

Jawapan :

Setiap permohonan cuti keluar negara mesti mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan dan kelulusan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.



Soalan 4: Perlukah saya memohon cuti rehat bagi menghadiri konvokesyen?

Jawapan:

Ya. Konvokesyen adalah aktiviti yang tidak tersenarai dalam aktiviti yang boleh diberi cuti tanpa rekod. Contoh aktiviti yang boleh diluluskan sebagai cuti tanpa rekod adalah aktiviti sukan. Sila rujuk kepada pejabat untuk senarai yang lengkap .

(*Sambungan dari muka surat 13*)

Adakah proses pendermaan organ akan melambatkan urusan pengkebumian jenazah?

☺ Tidak! Proses perolehan organ dan tisu dibuat sejurus selepas persetujuan keluarga dan ia tidak menjejaskan adat pengkebumian dan penghormatan kepada jenazah.

Bagaimana anda berhajat untuk menjadi seorang penderma organ?

☺ Anda hanya perlu mengisi borang akuan penderma organ serta kad penderma dan hantar kepada Pusat Sumber Transplan Nasional, sementara kad penderma hendaklah disimpan dalam dompet dan dibawa bersama anda pada setiap masa.

*“Terima kasih kepada semua
Penderma Organ
kerana mengembalikan senyuman
kepada kami”*

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAKLUMKAN HASRAT
ANDA UNTUK MENJADI SEORANG PENDERMA ORGAN
DAN TISU KEPADA KELUARGA ANDA.**



Untuk Keterangan Lajut Sila hubungi:

Sister Lawasan Mojimbal: 088-676100 atau,

PSPO Hospital Kuala Lumpur: 03-27191066/269427

Talian Hotline : **03-27191066**

Potrait

Sepanjang Hayat
"Cinta sejati bersatu"



29 November 2008

En. Makius Galibi & Cik Hailin Garagus
Di Kg. Tomis Tamparuli



31 Oktober 2008

En. Narrizal Awang & Cik Normilah Marjani
Di Kg. Menungui Kota Belud



13 Jun 2009

En. Baharuddin Sagup & Cik Razimih Linggang
Di Kg. Bawang, Pitas



6 Jun 2009

En. Alias Ausman & Cik Azmah Rosli
Di Kg. Kuala, Sepanggar

Karya
Kreatif

Mari minum air kelapa,
Dihidang oleh gadis jelita,
Sakit itu ada penawarnya,
Asal jauhi segala pantang larangnya.

Limah ke kedai membeli sikat,
Sikat dibeli buat si Mamat,
Amalkan cara hidup yang sihat,
Agar sihat sepanjang hayat.

Nukilan: Ernisa 76...

Penerima Sesi 2008

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

**Debbie Grace
Jimmy**



Shirley Lee



Rupin Mositil

Neully Simpor



Jessica Galawis

Patrick Morinka



Noor Mala Awang

Noryati Baruas



Sabrah Majin

Rhona David



Enansalon Darali

Hamidah Yahyah



Rinawati Madabal

Fauzee Oshou



Tamanong Samat

Etika Berpakaian ke Pejabat

Pakaian yang sesuai bagi kakitangan bukan berpakaian seragam

